



GERAKANG FC merayakan kejayaan selepas dinobatkan johan dalam kejohanan Futsal Piala 1Malaysia anjuran Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Futsal Piala 1Malaysia UMS meriah

UM 17.4.2013 34

KOTA KINABALU 16 April - Seramai 300 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Kejohanan Futsal Piala 1Malaysia anjuran Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) baru-baru ini.

Dengan konsep Futsal 1Malaysia UMS menyemai Perpaduan, kejohanan itu diadakan dengan jayanya di gelanggang futsal UMS.

Pengarah kejohanan yang juga ahli Exco Sukan dan Rekreasi MPP, Pang Ngiap Ting berkata, program itu bertujuan mengeratkan hubungan antara mahasiswa tanpa mengira kaum, bangsa, agama serta tradisi.

"Kami berharap melalui kejohanan ini akan dapat membentuk ke-

peribadian mahasiswa yang berkepimpinan dan dinamik berorientasikan kecemerlangan selaras dengan moto UMS, Bertekad Cemerlang," katanya di sini.

Ngiap Ting berkata, perpaduan merupakan kunci kejayaan negara ini sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara yang sentiasa dijadikan contoh oleh negara-negara lain di dunia ini.

Katanya, kejayaan membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk antaranya disumbangkan melalui acara sukan yang dilihat amat berkesan dalam memupuk perpaduan kaum.

"Semua ahli sukan sentiasa ber-

satu padu untuk menjadi juara tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama yang membolehkan mereka secara tidak langsung memahami budaya dan cara hidup kaum lain," katanya.

Pada perlawanan akhir, Gerakang FC berjaya dinobatkan sebagai johan bagi kejohanan Futsal Piala 1Malaysia apabila menewaskan pasukan Northen FC dengan keputusan 4-1.

Kejayaan itu sekali gus membolehkan pasukan Gerakang FC merangkul hadiah utama kejohanan iaitu wang tunai sebanyak RM500, manakala pasukan Northen FC pula menerima hadiah wang tunai RM300.